



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MELAKA KEKAL PENGELUAR TERNAKAN KATAK TERBESAR DI MALAYSIA, UM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	ISU TELUR AYAM DICEMARI SE, MAFI PERLU LEBIH MAKLUMAT, HM -ONLINE	
3.	SASAR LEPAS 280,000 BENIH UDANG GALAH, IKAN KE SUNGAI MELAKA, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	SASAR 280,000 BENIH UDANG GALAH, IKAN DILEPASKAN, NEGERI MELAKA/JOHOR/TERENGGANU, SH -26	
5.	MARITIM MALAYSIA TAHAN 24 NELAYAN VIETNAM, LOKAL, HM -8	
6.	LIMA NELAYAN INDONESIA DITAHAN, NEGERI P.PINANG/KEDAH, SH -28	
7.	JPS PULAU PINANG TUNGGU LAPORAN JABATAN PERIKANAN, NASIONAL, BH -24	
8.	25,000 BENIH UDANG MATI ANGKATA MENJALA, NEGARA, KOSMO -16	
9.	3,000 EKOR IKAN PATIN MATI, NEGARA, KOSMO -15	
10.	BANGKAI PENYU AGAR TERDAMPAR, LOKAL, HM -16	
11.	CUACA PANAS: 3,000 PATIN MATI, DALAM NEGERI, UM -32	
12.	RONALD: AGROFOOD SECTOR NEEDS MECHANISATION, AUTOMATION TECHNOLOGIES, THE BORNEO POST -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KUKUH SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA, SH -ONLINE	
14.	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KUKUH SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA, NASIONAL -8	
15.	MODERN FARMING AMONG TOPICS DISCUSSED AT NAFEC, NEWS/NATION, NST-8	
16.	PENCEMRAN TELUR BUKAN DARI LADANG, LOKAL, HM -16	
17.	KEMBANG TEKNOLOGI MODEN BANTU PETANI, LOKAL, HM -16	
18.	ARIS BURGER TEMBUSI 400 OUTLET, BISNES SINAR, SH -30	
19.	PETANI MADA TOLAK SMART SBB, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
20.	53 PESERTA SERTA PENEMPATAN SEMUAL NELAYAN, KOMENTAR, HAKAH -H15	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
21.	PROGRAM KHUSUS UNTUK AGROPRENEUR MUDA, SH -ONLINE	AGROBANK
22.	DURIAN FARMERS GET PRAISE, HELP FROM STATE GOVERNMENT, THE BORNEO POST -ONLINE	LAIN-LAIN
23.	LOBSTER FARMING TO UPLIFT B40 FAMILY'S ECONOMIC STATUS IN SABAH, NST -ONLINE	
24.	CENDAWAN KUKUR JADI TANAMAN KOMERSIAL, NEGARA, KOSMO -18	
25.	NGO BANTU GERAKAN PERTANIAN AL-FALAH, NEGERI, HAKAH -H14	
26.	BAIK PULIS SAWAH PADI DI KUALA BALAH, KELANTAN, HAKAH -H12	
27.	JAMIN HARGA BARANG KEPERLUAN TAK NAIK, LOKAL, HM -9	
28.	'HARUMANEH' BUAH YANG MANJA, UTARA, HAKAH -H18	
29.	AGROTOURISM THE WAY TO PROTECT LIVELIHOODS, SPEAK UP, THE SUN -9	
30.	WE DESERVE SAFE EGGS, TOO, VIEWS, THE STAR -14	
31.	CORNISH REX SI MANJAKU, KUBELA, HM -31	
32.	BERI AURA KETENANGAN, KUBELA, HM -32	
33.	IKAN LAGA MAKIN POPULAR, KUBELA, HM -33	
34.	PEKA PEMAKANAN HAIWAN, KUBELA, HM -34	
35.	CENDAWAN KUKUR HASIL PULANGAN LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM -30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Melaka kekal pengeluar ternakan katak terbesar di Malaysia



PUTRAJAYA: Melaka terus unggul sebagai negeri pengeluar ternakan katak paling tinggi di negara ini sepanjang tahun lepas jauh mengatasi pesaingnya, Pulau Pinang dan Perak.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Melaka menghasilkan 1,560,875 ekor katak pada tahun lalu.

Jumlah yang ditenak tersebut meningkat sedikit sebanyak 34,875 ekor itik berbanding hanya 1,526,000 ekor haiwan amfibia itu telah direkodkan oleh agensi berkenaan pada 2019 lepas.

Secara keseluruhan, Malaysia berjaya menghasilkan sejumlah 1,775,847 ekor katak ternakan sepanjang tahun lalu, bertambah 39,247 ekor daripada sebanyak 1,736,600 ekor pada 2019.

Selain Melaka, hanya dua negeri lagi dikenal pasti DVS yang ada perusahaan penternakan katak komersial di Malaysia iaitu Perak dan Pulau Pinang, namun jumlahnya pula agak kecil.

Perak cuma mampu menghasilkan sejumlah 147,289 ekor katak pada tahun lepas, bertambah sedikit daripada tahun sebelumnya hanya 140,600 ekor haiwan spesies dua alam berkenaan.

Sementara itu, Pulau Pinang pula sekadar mengeluarkan sebanyak 67,683 ekor katak, merosot 2,317 ekor berbanding 70,000 ekor yang direkodkan pihak DVS pada tahun 2019.

Ternakan amfibia ini lebih kepada pembekalan makanan eksotik di restoran dan lazimnya menerima permintaan tinggi pelanggan yang gemar rasa dagingnya atas faktor kesihatan.

Bagaimanapun di Eropah, katak mula mendapat pasaran besar untuk hidangan di restoran mewah terutama baka gergasi Jawa dari Indonesia yang terkenal dengan khasiat kakinya,

Media antarabangsa melaporkan, sejumlah 160 juta kaki katak itu dibekalkan bagi tampung keperluan di seluruh Perancis setiap tahun untuk hidangan dikenali cuisses de grenouille.

Dianggarkan sebanyak 3.2 bilion ekor katak dieksport ke seluruh dunia setahun dengan pengguna terbesar ialah pelbagai negara anggota Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Seekor katak dewasa komersial mampu dijual pada harga cecah £10 atau RM57 di pasaran global dengan China dan Indonesia merupakan dua negara pengeksport utama haiwan itu.- UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Isu telur ayam dicemari SE, Mafi perlu lebih maklumat



Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) setakat ini hanya menerima maklumat dari Singapura berkenaan dua ladang sahaja di negara ini berhubung isu telur ayam didakwa dicemari bakteria *Salmonella Enteritidis* (SE).

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mendapati keputusan negatif bakteria berkenaan di ladang Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram.

Difahamkan, sampel ladang Linggi Agriculture pula sedang menunggu keputusan.

"Kita memiliki 276 ladang ayam di seluruh negara, yang dikenal pasti hanya dua (dakwaan penemuan SE).

"DVS sudah keluaran kenyataan semalam. Dijelaskan kajian dibuat oleh DVS mendapati SE tidak ditemui dalam ladang yang disebutkan.

"Tentu sekali maknanya pencemaran itu bukan di pihak ladang. Kami akan siasat lebih lanjut mengenai perkara itu dan tentu sekali memerlukan lebih maklumat daripada pihak Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis perasmian Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian Dan Makanan (NAFEC 2021) dan pelancaran buku Kejuruteraan Makanan di Ibu Pejabat Mardi, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Mafi sudah meminta DVS untuk terus memantau keadaan untuk memastikan bahawa telur yang dipasarkan di negara ini atau yang dieksport bebas daripada pencemaran SE.

Media 20 Mac lalu melaporkan Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan beberapa pengimport untuk menarik balik telur dari Linggi Agriculture di Malaysia, selepas mengesan adanya *Salmonella Enteritidis* (SE) dalam produk terbabit.

Portal berita CNA melaporkan, itu kali kedua dalam masa seminggu SFA menarik balik telur dari ladang di Malaysia kerana pencemaran SE.

Pada 12 Mac, penarikan balik diumumkan untuk telur dari Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram.

Sejak itu pihak berkuasa Malaysia melancarkan siasatan terhadap syarikat itu.

Dalam satu kenyataan medianya, SFA menyatakan ladang Linggi Agriculture digantung operasi dan penggantungan terbabit akan ditarik balik hanya apabila ladang itu memperbaiki masalah pencemaran SE.

Telur yang terjejas mempunyai kod 'CEM014' yang tertera pada kulitnya.

Pengimportnya ialah An Hong Egg Supplies, Chuan Huat Poultry Farm Pte Ltd, Dasoon Pte Ltd dan FE Supply Pte Ltd.

Orang ramai yang sudah membeli telur terbabit kini disarankan untuk memasaknya dengan betul sebelum dimakan.

Mereka yang memakan telur dan berasa tidak sihat perlu mendapatkan rawatan perubatan, kata SFA dalam kenyataan sebelum ini.

SE boleh terdapat di dalam telur, begitu juga di kulit telur.

"Kerana SE dapat dimusnahkan oleh haba, telur selamat dimakan jika dimasak dengan sempurna," jelas SFA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Sasar lepas 280,000 benih udang galah, ikan ke Sungai Melaka



Ahmad ketika melepaskan benih udang galah di Sungai Kesang, di sini pada Selasa.

JASIN - Sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan disasarkan untuk dilepaskan ke sungai di Melaka tahun ini bagi mengekalkan kelestarian sumber itu.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, usaha itu bukan sahaja dapat memelihara sumber perikanan darat malah salah satu inisiatif membangunkan pelancongan berasaskan rekreasi perikanan selain membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 100,000 benih udang galah akan dilepaskan ke Sungai Kesang, Jasin kerana tempoh matang bagi benih spesis udang mengambil masa antara lima hingga enam bulan sebelum dapat dinikmati hasilnya.

"Bagaimanapun, kita merayu kepada nelayan untuk tidak

menggunakan jala tetapi hanya pancing sahaja.

"Ini supaya hidupan tersebut tidak terancam dan boleh menjana pendapatan nelayan darat, sekali gus membenarkan spesisnya terus membiak," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan elaun sara hidup kepada nelayan darat serta bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akuakultur di Sungai Rambai di sini pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Ahmad yang juga Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan negeri memperuntukkan RM211,400 untuk menyalurkan bantuan berupa peralatan akuakultur, makanan ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang kepada sembilan penternak.

Menurutnya, pemberian itu sebagai galakan kepada penerima secara tidak langsung dapat memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi Melaka yang menyasarkan 6,790 tan metrik bagi tahun 2021.

"Diharap kita dapat membantu golongan ini terus berdaya saing dalam bidang akuakultur dan memastikan bekalan seperti ikan dan udang sentiasa mencukupi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA/ JOHOR/ TERENGGANU	26

Sasar 280,000 benih udang galah, ikan dilepaskan

JASIN - Sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan disasarkan dilepaskan ke sungai di Melaka tahun ini bagi mengekalkan kelestarian sumber itu.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, usaha itu bukan sahaja dapat memelihara sumber perikanan darat malah salah satu inisiatif membangunkan pelancongan berasaskan rekreasi perikanan selain membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

Menurutnya, daripada jumlah itu 100,000 benih udang galah akan dilepaskan ke Sungai Kesang, Jasin kerana tempoh matang bagi benih spesies itu mengambil masa antara lima hingga enam bulan sebelum dapat dimikmati hasilnya.

"Bagaimanapun kita merayu kepada nelayan untuk tidak menggunakan jala tetapi hanya

pancing sahaja.

"Ini supaya hidupan ini tidak terancam dan boleh menjaga pendapatan nelayan darat," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan elaun sara hidup kepada nelayan darat serta bantuan, sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akukultur di Sungai Rambai di sini pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Ahmad yang juga Timbalan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I berkata, kerajaan menerusi Jabatan Perikanan negeri memperuntukkan RM211,400 untuk menyalurkan bantuan berupa peralatan akuakultur, makanan



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan (SPeKS) akukultur kepada salah seorang penerima pada program itu.

ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang kepada seramai sembilan penternak.

Menurutnya, pemberian itu sebagai galakan kepada penerima secara tidak langsung dapat

"Diharap kita dapat membantu golongan ini terus berdaya saing dalam bidang akuakultur dan memastikan bekalan seperti ikan dan udang sentiasa mencukupi," katanya.

memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi Melaka yang menyasarkan 6,790 tan metrik bagi tahun 2021.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	8

Kota Tinggi: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili menahan 24 nelayan warga Vietnam serta merampas dua bot kerana menceroboh perairan negara berhampiran Pulau Aur, di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Kepten Maritim Mohamad Sulhan Zai-

Maritim Malaysia tahan 24 nelayan Vietnam

non berkata, semua nelayan berkenaan berusia 21 hingga 60 tahun dikesan di kedudukan kira-kira 19 batu nautika timur laut Pulau Aur pada jam 10.32 pagi.

Katanya, ketika kapal ronda Maritim Malaysia menjalankan operasi di perairan

Johor Timur, anggota mengesan dua bot mencurigakan. "Kedua-dua bot itu cuba melarikan diri apabila ternampak bot peronda Maritim Malaysia namun mereka

Kru serta tekong gagal kemukakan dokumen pengenalan diri yang sah

peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Sulhan berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran sah dari Pengarah Perikanan Malaysia.

berjaya dipintas serta ditahan.

"Ketika pemeriksaan, sembilan kru serta tekong gagal kemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai kira-kira RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/KEDAH	28

Lima nelayan Indonesia ditahan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan Indonesia bersama lima kru kira-kira jam 5 petang, Isnin.

Pengarah Maritimnya, Kep-ten Abdul Razak Mohamed berkata, bot tersebut ditahan oleh sepasukan penguat kuasa yang menaiki kapal KM Burau ketika menjalankan rondaan dalam Op Pertiwi/Op Benteng/Op Tanjung pada kedudukan 32.3 batu nautika barat Pulau Kendi.

Menurutnya, ketika rondaan, bot tersebut didapati sedang melakukan aktiviti menangkap ikan dalam perairan negara.

"Pemeriksaan mendapati, bot tersebut dikendalikan lima kru warga Indonesia termasuk



Lima nelayan warga Indonesia ditahan bersama bot mereka oleh sepasukan penguat kuasa Maritim Malaysia Pulau Pinang pada petang Isnin.

laysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan media pada Selasa.

Jelasnya, semua nelayan bersama bot mereka dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut.

tekong berusia lingkungan 18 hingga 45 tahun. Kesemua mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan kerana mencero boh perairan negara. Kes akan disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan di perairan Ma-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

Isu pencemaran selut di Kuala Juru

JPS Pulau Pinang tunggu laporan Jabatan Perikanan

Bukit Mertajam: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang masih menunggu laporan siasatan pihak Jabatan Perikanan berhubung penternak kerang di Kuala Juru, di sini, yang mendakwa projek mendalamkan muara sungai oleh agensi itu punca kerang ditenak mati dan berbau busuk hingga menyebabkan kerugian lebih RM700,000.

Pengarahnya, Ir Shukri Muslim, berkata pihaknya meminta Jabatan Perikanan negeri menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar ternakan kerang mati sama ada berkaitan dengan projek dijalankan JPS seperti didakwa nelayan.

"Kita mengambil maklum aduan penternak kerang dan kini menunggu laporan daripada Jabatan Perikanan, sama ada benar kerang itu mati akibat selut susulan projek dijalankan JPS.

"Jika betul perkara ini berlaku, kita akan mengambil tindakan seterusnya bagi mengatasi permasala-

han ini," katanya di sini, semalam.

Difahamkan, projek berkenaan bermula September tahun lalu dan dijangka siap Khamis ini dengan kali terakhir projek mendalamkan muara sungai dilakukan di situ sekitar 2003.

BH kelmarin melaporkan penternak kerang di Kuala Juru mendakwa mengalami kerugian lebih RM700,000 ekoran ternakan kerang diusahakan mereka sejak Mac tahun lalu mati dan berbau busuk akibat pencemaran selut.

Pengerusi Persatuan nelayan Unit B, Kuala Juru, Bahari Edin, berkata penternak kerang terkejut apabila mendapati kerang berkenaan mati dan berbau busuk hingga tidak boleh dipasarkan langsung, ketika mengutip hasil laut itu pada 12 Mac lalu di kawasan ternakan seluas 28.328 hektar.

Shukri berkata, projek mendalamkan muara Sungai Juru itu dijalankan bagi mengatasi masalah

sungai cetek di kawasan berkenaan dalam usaha memberi kemudahan kepada bot nelayan di situ, selain menyelesaikan masalah banjir akibat sungai cetek.

Beliau berkata, sebelum memulakan projek itu, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa penternak kerang dan mereka memberi laluan kepada JPS demi kepentingan nelayan serta penduduk di kawasan sekitar muara Sungai Juru.

"Kita juga turut mengadakan rundingan dengan kumpulan penternak kerang di Kuala Juru sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar, berkata pihaknya sudah membuat pemeriksaan dan siasatan di kawasan ternakan kerang, semalam.

"Kajian lebih terperinci akan dilakukan bagi mengenal pasti punca sebenar kerang mati sama ada disebabkan selut atau sebaliknya," katanya.



AHMAD HAMZAH (tiga dari kanan) melepaskan benih udang galah di perairan awam di Sungai Kesang, Sungai Rambai semalam.

25,000 benih udang mati angkara menjala

JASIN – Tindakan orang ramai yang menjala ikan di Sungai Kesang, Sungai Rambai di sini dipercayai antara punca sebahagian 25,000 benih udang galah yang dilepaskan pada November lalu mati sekali gus menjejaskan sumber pendapatan nelayan darat dan penduduk kampung.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah memberitahu, tempoh matang bagi benih udang galah antara lima hingga enam bulan.

"Pada November tahun lalu, saya telah melepaskan sebanyak 25,000 benih udang galah di Sungai Kesang bagaimana pun belum sempat benih itu membesar, difahamkan telah

berlaku aktiviti menjala yang boleh menyebabkannya mati.

"Jadi, saya merayu kepada penduduk tempatan, untuk sementara waktu ini janganlah gunakan jala, sebaliknya gunakan cara memancing sahaja," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pihaknya telah melepaskan 100,000 lagi benih udang galah semalam supaya dapat dijadikan sumber pendapatan yang lumayan kepada lebih 45 orang nelayan darat dan pemancing.

"Tunggulah sehingga matang, saya minta penduduk kampung menjaga usaha ini dan mempunyai sikap tanggungjawab apatah lagi berke-naan rezeki orang," ujarinya.

24/3/2021

KOSMO

NEGARA

15

3,000 ekor ikan patin mati

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang penternak ikan air tawar di Kampung Lapan Jaya di sini menanggung kerugian sebanyak RM15,000 selepas ikan patin yang ditenak di dalam kolam mati akibat cuaca panas sejak seminggu lalu.

Mat Nawi Hussin, 62, berkata, setakat ini, lebih 3,000 ekor ikan patin di dalam kolamnya sudah mati dengan anggaran sebanyak 100 hingga 500 ekor ikan mati setiap hari.

"Saya bimbang dengan keadaan cuaca kemarau sekarang apabila air di lapan buah kolam ikan semakin surut.

"Keadaan ini bertambah teruk apabila hujan sudah tidak turun

sejak dua bulan lalu.

"Saya juga menggunakan sumber air dari bukit berhampiran, namun juga sudah kering sejak kebelakangan ini akibat faktor cuaca," katanya ketika ditemui di Kampung Lapan Jaya di sini semalam.

Bercerita lanjut Mat Nawi berkata, jika cuaca panas berterusan, tidak mustahil sebanyak 100,000 ekor ikan air tawar pelbagai spesies termasuk 6,000 ikan kelah juga menerima nasib yang sama.

Katanya, keadaan itu sekali gus akan menjejaskan punca pendapatannya lebih-lebih lagi apabila harga ikan kelah kini melambung naik iaitu sekitar RM300 sekilogram.

"Selain kelah, saya turut menenak 30,000 ekor ikan patin, ikan tilapia (30,000) ikan lampam (10,000), ikan tongsang (6,000) dan ikan jelawat (6,000).

"Semua ikan itu dalam proses untuk dipasarkan kerana setiap ekor ikan telah mencecah berat antara setengah kilogram hingga lebih satu kilogram seekor," jelasnya.

Sementara itu, isteri Mat Nawi, Siti Zaharah Daud, 52, memberitahu, ini kejadian pertama menimpa mereka yang telah mengusahakan ternakan ikan kolam sejak 30 tahun lalu.

Katanya, susulan kejadian itu, dia dan anak lelakinya Ibrahim, 26, akan menanam bangkai ikan yang mati.



MAT NAWI (kiri) bersama anaknya, Ibrahim mengangkat bangkai ikan patin dari salah satu kolamnya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang, semalam.

24/3/2021

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

Penyu: Jabatan Perikanan sudah ingatkan kerajaan

JASIN: Jabatan Perikanan telah memberi peringatan dan menyarankan kerajaan negeri supaya tidak membenarkan sebarang pembangunan di kawasan rizab melibatkan pendaratan penyu karah.

Peagarah Perikanan negeri, Mohd. Fauzi Salehon berkata, ia adalah langkah berjaga-jaga untuk memastikan spesies itu dapat terus mendarat di negeri ini tanpa sebarang ancaman.

Beliau berkata, antara lokasi yang ditekankan adalah di Kuala Linggi, Pengkalan Balak dan Pantai Kemunting.

"Kita telah sarankan kepada kerajaan negeri supaya kawasan-kawasan pendaratan penyu karah ini dijaga termanak dengan cara tidak membina sebarang pembangunan dibuat di lokasi tersebut.

"Pada tahun lepas, Melaka menjadi tempat pendaratan utama penyu karah dengan 807 sarang ditemukan. Sebanyak 93,000 telurnya juga kita pungut untuk ditetaskan," katanya di Sungai Kesang, Sun-

Bina pelabuhan ancam penyu karah



gai Rambai di sini.

Beliau mengulas laporan Utusan Malaysia mengenai projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion yang bukannya sahaja menimbulkan polemik kepada nelayan tetapi turut mengancam populasi penyu karah.

Ini kerana penyu karah yang disenaraikan sebagai spesies 'sangat terancam' sinonim menjadikan pantai-pantai di sekitar Alor Gajah dekat sini, sebagai lokasi pendaratan dan bertelur.

Jika KLIP dimulakan, ia berpotensi mengganggu tempat pendaratan haiwan berkenaan seperti di Kuala Linggi, Tanjung Serai, Meriam Patah dan Tanjung Dahan.

KERATAN
Utusan
Malaysia
semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	THE BORNEO POST	ONLINE	

Ronald: Agrofood sector needs mechanisation, automation technologies



An officers holds the 'Teknologi Kejuruteraan Agromakanan Mardi' and the Advanced Agriculture and Food Research Journal books. — Bernama photo

SERDANG: The country's agrofood sector needs to emphasis on the use of mechanisation, automation, modern and precision farming as well as other innovative technologies to increase productivity.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said this because sustainability in agricultural production and food industry is an important agenda in an effort to turn Malaysia into a food producer by using such technologies.

"New and unusual approaches are necessary to ensure that we can meet various food security challenges, including (during) the Covid-19 pandemic," he said when officiating at

the 2021 National Agricultural and Food Engineering Convention (NAFEC) here yesterday.

He said that the use of the standard operating procedures for paddy post-harvest loss developed by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) which could reduce the loss, from 28.5 per cent to only 7.9 per cent, clearly demonstrated the need of mechanisation to increase productivity.

Ronald also said that the use of mechanisation and automation as well as other latest technologies could attract young farmers and food entrepreneurs, apart from increasing productivity with efficient management.

"I believe that the presence of the younger generation will further enhance the profile of the agricultural sector as a dynamic, modern sector and on a par with other economic sectors," he said.

At the event, Ronald also witnessed the exchange of a memorandum of understanding between Mardi and the Malaysian Society of Agricultural and Food Engineers (MSAE) to establish cooperation to develop the country's agrofood engineering sector.

Also present were Agriculture and Food Industries Ministry's secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid, Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Nor and MSAE president Prof Dr Rosnah Shamsudin.

At the event, Ronald also launched two books, namely, the 'Teknologi Kejuruteraan Agromakanan Mardi' and the first edition of the Advanced Agriculture and Food Research Journal by MSAE.

The 'Teknologi Kejuruteraan Agromakanan Mardi' features an evolution of agrofood engineering technology that has been developed since the establishment of Mardi in the 1980s, while the Advanced Agriculture and Food Research Journal is a scientific publication containing research findings related to latest technologies on agrofood. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Teknologi kejuruteraan kukuh sektor agromakanan negara



Ronald Kiandee (tengah) melancarkan dua penerbitan ilmiah berkaitan kejuruteraan pertanian dan makanan pada majlis perasmian NAFEC 2021 di Ibu Pejabat MARDI di Serdang pada Selasa.

SERDANG - Menjadi satu agenda penting kerajaan pada masa ini untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan dengan menggunakan sumber tenaga cekap melalui penggunaan teknologi inovatif.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, aplikasi teknologi mekanisasi dan automasi terbukti sebagai pendekatan terbaik apabila dikaitkan dengan jaminan pengeluaran makanan secara berterusan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berusaha memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan usaha meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden

dalam sektor pertanian dan pengurangan kebergantungan kepada import, sekali gus meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.

"Pendekatan baharu dan di luar kebiasaan sememangnya perlu bagi memastikan kita dapat menghadapi pelbagai cabaran sekuriti makanan termasuk pandemik Covid-19.

"Kita mesti terus memberikan penekanan yang lebih bagi penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden, pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan Internet of Things (IoT) dan sebagainya sejajar dengan Revolusi Industri 4.0," katanya ketika merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2021 di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini pada Selasa.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Nor; Presiden Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE), Profesor Dr Rosnah Shamsudin dan Pengerusi Jawatankuasa Induk NAFEC 2021, Dr Azman Hamzah.

Ronald Kiandee (kanan) membaca salah sebuah buku berkaitan kejuruteraan pertanian yang dilancarkan pada majlis perasmian NAFEC 2021 di Ibu Pejabat MARDI di Serdang pada Selasa.



Konvensyen yang berlangsung secara dalam talian selama dua hari bermula pada Selasa itu dianjurkan dengan kerjasama MARDI dan MSAE.

Sementara itu, Kiandee berkata, penggunaan teknologi mekanisasi dalam sektor pertanian dan kaedah yang sesuai dilihat dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kehilangan lepas tuai.

"Sebagai contoh penggunaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kehilangan Lepas Tuai Padi yang dibangunkan oleh MARDI dapat mengurangkan kehilangan lepas tuai padi daripada 28.5 peratus kepada 7.9 peratus.

"Ini membuktikan keperluan mekanisasi dalam industri pertanian tidak boleh dipandang remeh kerana penggunaannya mampu memberi impak dalam meningkatkan hasil pengeluaran kepada negara dalam jangka masa panjang," katanya.

Menurut beliau, dengan penggunaan mekanisasi dan automasi, sistem pertanian pintar, aplikasi IoT dan dron dilihat mampu menarik minat petani dan pengusaha makanan dari golongan anak muda, sekali gus meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan pengurusan yang cekap.

"Saya percaya kehadiran generasi muda akan menyemarakkan lagi profil sektor pertanian sebagai satu sektor dinamik, moden dan menjadi sumber kekayaan baharu negara setanding sektor ekonomi yang lain.

"Tidak saya nafikan terdapat peningkatan penyertaan golongan muda di beberapa peringkat rantaian pengeluaran makanan seperti pemasaran khususnya pemasaran dalam talian atau e-commerce.

"Namun saya mahu kita terus berusaha menggalakkan penyertaan lebih ramai golongan anak muda ini terlibat di sepanjang peringkat rantaian pengeluaran makanan merentasi semua sub sektor agromakanan," katanya. Pada majlis tersebut, Kiandee turut melancarkan dua penerbitan ilmiah berkaitan kejuruteraan pertanian dan makanan iaitu Buku Teknologi Kejuruteraan Agromakanan MARDI serta edisi pertama 'Advanced Agriculture and Food Research Journal (AAFRJ)' oleh MSAE.

Teknologi kejuruteraan kukuhkan sektor agromakanan negara

SERDANG - Menjadi satu agenda penting kerajaan pada masa ini untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan dengan menggunakan sumber tenaga cecap melalui penggunaan teknologi inovatif.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, aplikasi teknologi mekanisasi dan automasi terbukti sebagai pendekatan terbaik apabila dikaitkan dengan jaminan pengeluaran makanan secara berterusan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berusaha memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan usaha meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dalam sektor pertanian dan pengurangan kebergantungan kepada import, sekali gus meningkatkan kualiti dan

jaminan sekuriti makanan. "Pendekatan baharu dan di luar kebiasaan sememangnya perlu bagi memastikan kita dapat menghadapi pelbagai cabaran sekuriti makanan termasuk pandemik Covid-19.

"Kita mesti terus memberikan penekanan yang lebih bagi penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden, pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan Internet of Things (IoT) dan sebagainya sejajar dengan Revolusi Industri 4.0," katanya ketika merasmikan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2021 di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini pada Selasa.

Konvensyen yang berlangsung secara dalam talian selama dua hari bermula pada Selasa itu dianjurkan dengan kerjasama MARDI dan MSAE.

Sementara itu, beliau berkata, penggunaan teknologi mekanisasi dalam sektor pertanian dan kaedah yang sesuai dilihat dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kehilangan lepas tuai.

"Sebagai contoh penggunaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kehilangan Lepas Tuai Padi yang dibangunkan oleh MARDI dapat mengurangkan kehilangan lepas tuai padi daripada 28.5 peratus kepada 7.9 peratus.

"Ini membuktikan keperluan mekanisasi dalam industri pertanian tidak boleh dipandang remeh kerana penggunaannya mampu memberi impak dalam meningkatkan hasil pengeluaran kepada negara dalam jangka masa panjang," katanya.

Menurutnya, dengan penggunaan mekanisasi dan automasi, sistem pertanian pintar, aplikasi IoT dan dron dilihat mampu menarik minat petani dan peng-



Dari kanan: Ronald, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid serta Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamed Roff Mohd Nor menunjukkan dua penerbitan ilmiah berkaitan kejuruteraan pertanian dan makanan yang dilancarkan pada majlis perasmian NAFEC 2021 di Serdang pada Selasa.

saha makanan dari golongan anak muda, sekali gus meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan pengurusan yang cekap. Pada majlis tersebut, Ronald turut melancarkan dua penerbitan ilmiah berkaitan kejuruteraan pertanian dan makanan iaitu Buku Teknologi Kejuruteraan Agromakanan MARDI serta edisi pertama *Advanced Agriculture and Food Research Journal* (AAFRJ) oleh MSAE.

VIRTUAL CONVENTION

Modern farming among topics discussed at Nafec

SERDANG: Modern farming and computer network in the agriculture sector are among the topics discussed at the National Agricultural and Food Engineering Convention (Nafec) 2021.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee said the convention, held virtually this year, would see seven main papers, 30 technical and 31 research posters presented by professionals in the field.

"Automation has been proven to be the best approach to ensure consistent food production.

"The year 2021 is the first year for the 12th Malaysia Plan whereby the ministry is emphasising the new agro-food business sector and high-value agriculture that can create economic opportunities for the people."

Khandee was speaking at the launch of the two-day convention themed "Embracing the Future through Advanced Agrofood Engineering" at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) yesterday.

He said the application of modern technology like fertigation,



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee launching the 'Agrofood Engineering Book' and 'Advanced Agriculture and Food Research Journal' at the National Agricultural and Food Engineering Convention at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute in Serdang yesterday. BERNAMA PIC

fresh produce manufacturing, drones, smart agriculture system, Artificial Intelligence (AI), Big Data and Internet of Things (IoT) were imperative in making the agriculture sector more progressive and competitive.

He said the National Agrofood Policy 2.0, which will be launched soon, focused on competitiveness and innovation; wellbeing of farmers and fishermen; as well as

ensuring sustainable production of padi, fruits, vegetables, livestock and fisheries.

Citing the harvest of the latest padi variants Seri Waja and Kembangsari, he said driverless machines were used in the process guided by GPS (Global Positioning System).

"In the latest development, grape farming in Mardi Agrotechnology park greenhouses in Langkawi is made possible with 5G technology through a collaboration with Maxis.

"We are now moving towards huge-scale padi farming which allows the use of farm inputs and minimal labour."

He said the government hoped to attract more youths to venture into agriculture through the application of technology.

Financial assistance of up to RM500,000 was available through Agro-Youth Entrepreneurship Scheme, or Agro-Yes, under Agrobank, he added.

During the event, the *Agrofood Engineering Book* by Mardi and *Advanced Agriculture and Food Research Journal* by Malaysian Society of Agriculture and Food Engineers were also launched.

24/3/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

16



DR Ronald melancarkan buku Kejuruteraan Makanan pada majlis perasmian NAFEC di Institut Mardii, Serdang, semalam.

Pencemaran telur bukan dari ladang

Telur Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram negatif bakteria SE

Oleh Amir Abd Hamid
am@hmmetro.com.my

Serdang

Ujian dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terhadap telur ayam di ladang Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram, Selangor mendapati ia negatif bakteria Salmonella Enteritidis (SE). Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiewdee berkata, sampel ujian membabitkan telur ayam Ladang Linggi Agriculture puti sedang menunggu keputusan.

"Kita memiliki 276 ladang ayam di seluruh negara. Se-

"Ia bermaksud yang pencemaran itu bukan di pihak ladang. Kami akan siasat lebih lanjut mengenainya. Kami juga perituan lebih maklumat dari Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Makanan Dan Makanan (NAFEC 2021) dan pelancaran buku Kejuruteraan Makanan di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kejuruteraan Makanan (Mafi) di sini, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) meminta DVS untuk memastikan te-

lur ayam yang dipasarkan di negara ini atau yang diekspor bebas daripada pencemaran bakteria SE.

Pada 12 Mac lalu, media melaporkan, Agensi Makanan Singapura (SFA) menggariskan pemakanan balik telur ayam dari ladang Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram selepas mengesan kehadiran bakteria SE dalam produk terbitan.

Pada 20 Mac pula, SFA turut mengarahkan beberapa pengimport untuk menarik balik telur dari Linggi Agriculture atas alasan sama.

Telur yang terjejas dikenal pasti melalui kod 'CEM04' yang tertera pada kulitnya.

Kembang teknologi moden bantu petani

Serdang: Sektor swasta di negara ini diseru bekerjasama dengan Institut Pertanian dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardii) dalam mengembangkan teknologi moden sekali gus membantu kumpulan sasar dalam kalangan petani ser-ta pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Dr Ronald Kiewdee berkata, antara teknologi hasil penyelidikan Mardii ialah pertanian pintar, penggunaan drone dan teknologi 5G.

Beliau berkata, teknologi baharu berpotensi meningkatkan kepada petani, penguasaan ladang dan maklumat seterusnya meningkatkan kualiti hasil di negara ini.

"Kejuruteraan pertanian adalah bidang penting dalam industri agro-makanan. Ia mengupas dan memperkembangkan aplikasi teknologi yang terkini."

"Bukan sahaja daripada segi mekanisasi tetapi termasuk Internet Kebendaan (IoT). Kejuruteraan buatan (AI) dan sebagainya yang

harus bergerak seiring dengan perkembangan industri agro-makanan keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Makanan Dan Makanan (NAFEC 2021) dan pelancaran dua buku Kejuruteraan Makanan di Ibu Pejabat Mardii, semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha Mafi merangkap Pengerusi Lembaga Pengelola Mardii Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Pengarah Mardii Datuk Dr Mohamad Roffi Mohd Noor dan Presiden Persatuan Juruteraan Makanan dan Makanan Malaysia (MSAE) Prof Dr Rosnah Shamsuddin.

Menurut beliau, pengurusan konvensyen kerjasama MSAE itu boleh diterjemahkan dalam aplikasi dan pengalihan teknologi baharu untuk industri berkaitan.

"Ia termasuk untuk pengubahan dasar dan sebagainya hasil daripada dapatan pada konvensyen seumpamanya," katanya.

Bangkai penyus agar terdampar

Kuantan: Bangkai seekor penyus agar (Chelonia Mydas) dewasa ditemui dalam keadaan mereput dengan kesan luka pada badan di pesisir di Pantai Balok, di sini, Ahad lalu.

Reptila bersaiz kira-kira 0.9 meter panjang tu mati dipercayai akibat tersangkut pada pukuk neyayam Pemancing World Haniff Salleh, 39, berkata dia menemui bangkai penyus berkenaan yang dipercayai mati sejak beberapa hari lalu kerana keadaannya sudah mula mereput.

"Saya tidak menyangka objek yang disangka tunggul kayu sebenarnya bangkai penyus yang sudah busuk."

"Kesan luka tu mungkin disebabkan ia tersangkut pukuk neyayam sebelum mati dan hanyut ke Pantai Balok," katanya. Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Abdullah Jaafar berkata, pihaknya merekodkan sebanyak 24 kes kematian penyus agar dalam tempoh tiga tahun sejak 2019. Kes kematian itu, tiga kes direkodkan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, tujuh kes sepanjang tahun lalu dan 13 kes pada 2019.

RINGKAS

Aris Burger tembusi 400 outlet

Cipta sejarah hasilkan burger
dan oblong ayam kampung
pertama di Malaysia

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Walaupun baru dua tahun berada di pasaran, produk sejuk beku jenama Aris Burger bukan sahaja berjaya memasarkan burger di lebih 400 outlet, bahkan telah melakar sejarah sebagai pengeluar burger dan oblong ayam kampung pertama di Malaysia.

Pengiktirafan itu diterima Aris Burger melalui Anugerah Inovasi Industri Kategori Produk Ternakan sempena Konvensyen Pengembangan dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) peringkat Kebangsaan 2018.

Pengarah Urusan Arisprop Holdings Sdn Bhd (APHSB), Datuk Haris Embong berkata, asas kejayaan produk Aris Burger adalah melalui latihan dan bimbingan khas daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Jadi produk Aris Burger yang

dihasilkan adalah mengikut piawaian dan standard yang berkualiti selain menggunakan formulasi campuran rempah yang tersendiri.

Katanya, Aris Burger mempunyai kandungan peratusan daging yang tinggi di dalam setiap kepingan daging yang dikeluarkan sekali gus kandungan lemak dan minyak adalah kurang.

"Apabila dibimbing oleh MARDI dan JPV, mereka akan memantau proses dan tatacara pengeluaran secara teliti. Jadi kita tidak boleh sewenang-wenangnya menukar formulasi atau resipi yang ditetapkan sebab MARDI dan JPV akan sentiasa datang ke kilang untuk membuat pemeriksaan.

"Sebab itu kalau ada orang kata sesetengah burger itu tidak bagus untuk kesihatan, banyak lemak, kolesterol tinggi dan sebagainya. Sebenarnya bukan burger yang salah tapi kaedah pembuatannya itu yang tidak betul kerana sesetengah pengeluar yang tidak bertanggungjawab mencampurkan lemak dan tepung yang terlalu banyak, maka sudah pasti ia tidak baik untuk kesihatan.

Empat jenis burger

Dalam pada itu, Haris berkata, Aris Burger mempunyai empat jenis iaitu burger ayam kampung, burger ayam, burger daging dan burger kambing dengan dua kategori saiz iaitu 60 gram dan 70 gram. Sementara itu, produk daging kisar dan ayam kisar yang dikeluarkan oleh APhSB adalah 100 peratus kandungan daging dan mempunyai saiz pembungkusan 400 gram dan 800 gram.

Kepingan burger
disimpan di dalam
peti sejuk sebelum
dibungkus.



Haris (tengah) dan kakitangannya menunjukkan pelbagai produk daging serta ayam sejuk beku keluaran Aris Burger.



Haris (tengah) memantau para pekerja menghasilkan kepingan burger di kilang Arisprop Holdings di Gombak, Selangor.

Selain itu, APhSB turut mengeluarkan burger saiz 100 gram ke atas dan oblong ayam, oblong daging, bebola ayam dan bebola daging. Walaubagaimana pun, pada masa kini, ia adalah untuk pasaran HORECA iaitu singkatan istilah untuk hotel, restoran dan kafe.

Tambahnya, produk Aris Burger telah pun dijual di lebih 400 outlet pasar raya di seluruh negara termasuk Aeon, Mydin, Hero Hypermarket, Checker's, CS Brothers, Econsave, Billion, Well-Mart, Sogo, C-Mart, Big Supermart, Fresh Grocer, KK Mart, Family Store, Super seven dan lain-lain.

Sementara itu, Haris memaklumkan bahawa produk Aris Burger telah mendapat pengiktirafan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam tempoh yang singkat kerana sentiasa mengamalkan SOP yang ditetapkan dan juga menjalani proses penyelidikan dan pembangunan.

Ditanya mengenai bagaimana produk Aris Burger boleh mendapat permintaan tinggi dalam tempoh yang singkat, akui Haris, pihaknya tidak berkompromi dengan kualiti setiap burger yang dihasilkan. Ini kerana akunya, makanan merupakan ponda utama kepada kesihatan atau penyakit.

"Tak untung banyak tak apa, ingat pahala dan ingat dosa kalau menipu, asalkan produk makanan yang dihasilkan oleh APhSB adalah baik dan bagus untuk kesihatan," tegasnya.

Kongsi Haris, sebelum memasuki pasaran dulu, burger keluaran Aris Burger pernah dihantar ke Jabatan Pemprosesan dan Kejuruteraan Makanan, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia untuk blind test.

"Kita buat perbandingan antara burger Aris Burger yang sudah dimasak dengan burger keluaran syarikat X.

"Seramai 200 pelajar terlibat dengan diketuai oleh pensyarah kanan, dan jenama kedua-dua burger dirahsiakan.

"Hasil blind test itu tersebut, sebanyak 55.13 peratus responden memilih burger ayam Aris Burger berbanding dengan burger ayam jenama X sebanyak 44.87 peratus.

"Selain itu sebanyak 66.60 peratus responden juga memilih burger daging Aris Burger berbanding dengan 33.40 peratus burger daging jenama X.

"Burger X ini adalah burger yang dikenali di Malaysia. Sebab itu, kita yakin yang formulasi dan ramuan burger kami boleh memikat hati pelanggan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Petani Mada tolak SMART SBB

ALOR SETAR: Lebih 95 peratus petani dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) menolak rancangan kerajaan menyerahkan kawasan tanaman padi seluas lebih 100,000 hektar itu kepada syarikat swasta untuk Program Smart-

Sawah Berskala Besar (SMART SBB).
Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain berkata, kebanyakan petani tersebut percaya jumlah hasil dapat ditingkatkan walaupun tanpa pelaksanaan program

tersebut.

"Kawasan 100,685 hektar itu kini telah mempunyai pengairan lengkap dan hanya perlu ditambah baik.

"Kami percaya, hasil bimbingan Mada serta pegawai berpengalaman, petani mampu

meningkatkan hasil menerusi peningkatan kualiti benih padi serta pengairan lebih sempurna walaupun tanpa melibatkan syarikat swasta," katanya di sini, semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ro-

nald Khande pada 14 Mac lalu berkata, sebanyak 30 hingga 40 peratus petani di negara ini akan menjadi perintis kepada Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dijangka bermula pada musim tanam baharu Ogos ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Cuaca panas: 3,000 patin mati

Oleh AIMUNI TUAN LAH
 utusannews@mediamulla.com.my

GUA MUSANG: Penternak di Kampung Lapan Jaya di sini menanggung kerugian sehingga RM15,000 apabila kira-kira 3,000 ikan patin ditenak dalam kolam mati dipercayai akibat cuaca panas sejak seminggu lalu.

Mat Nawi Hussin, 62, berkata, dalam tempoh seminggu kebelakangan ini, sebanyak 100 hingga 500 ikan patin dijumpai mati dan terapung di permukaan kolam setiap hari.

"Dengan keadaan cuaca panas terik dan kemarau sekarang, air di laman kolam ikan milik saya semakin surut kerana tidak hujan sejak dua bulan lalu.

"Sebelum ini, saya bergantungan kepada sumber air dari bukit berhampiran kolam, namun, air bukit juga sudah kering," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kampung Lapan Jaya, di sini semalam.

Mat Nawi berkata, jika cuaca panas berterusan, dia bimbang kejadian serupa berlaku terhadap hampir 100,000 ternakan ikan air tawar membabitkan pelbagai spesies.

Katanya, kejadian sama menimpa ikan kelah peliharaan nya dan jika kesemua 6,000 ikan



MAT NAWI HUSSIN melihat ikan patin di kolamnya yang mati akibat cuaca panas sejak seminggu lalu. - UTUSAN/ AIMUNI TUAN LAH

berharga RM300 sekilogram itu mati, dia bakal berdepan kerugian besar.

"Selain kelah, saya mempunyai 30,000 patin, 30,000 tilapia, 10,000 lampam, 6,000 tonggan dan 6,000 jelawat.

"Semua ikan itu sudah be-

sar dan dalam proses untuk dipasarkan. Ada antara ikan itu mencecah berat antara setengah kilogram hingga lebih satu kilogram seekor," katanya.

Sementara itu, isteri Mat Nawi, Siti Zaharah Daud, 52, berkata, ikan mati akibat cuaca

panas adalah kejadian kali pertama sejak mereka mengusahakan ternakan ikan sejak 30 tahun lalu.

"Sekarang, setiap hari anak lelaki kami Ibrahim akan membantu menanam bangkai ikan yang mati itu," ujarnya.

53 peserta sertai Penempatan Semula Nelayan

IPOH: Seramai 53 peserta dipilih menyertai program Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Teluk Baru dan Pasir Bogak, Pulau Pangkor.

Program penempatan semula nelayan itu dibina hasil kerjasama kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri, Razman Zakaria berkata, kelulusan projek tersebut diharap memberi manfaat kepada keluarga nelayan di Pulau Pangkor.

Katanya rumah itu sebagai kediaman kekal nelayan di Pulau Pangkor.

"Sebanyak 139 unit ke-



Penempatan nelayan di Pulau Pangkor.

diaman PSN di Teluk Baru belum diisi serta 39 unit kediaman PSN di Pasir Bogak masih dijadikan rumah transit," katanya di sini baru-baru ini.

Kos pembinaan kedua-dua penempatan tersebut

sebanyak RM24.4 juta dan siap dibina Januari 2017.

Razman turut melawat penempatan tersebut pada 2 Mac lepas. Malah projek itu turut dilawati Menteri Besar Dato' Saarani Mohamad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Program khusus untuk Agropreneur Muda



Nilai pembiayaan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) yang diinisiatifkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Agrobank dinaikkan sehingga RM500,000.00.

Pada awalnya nilai pembiayaan adalah RM200,000.00 dan sempena pelancaran Agro-YES pada 18 Mac 2021 yang lalu, menteri YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengumumkan nilai pembiayaan dinaikkan kepada RM500,000 bagi setiap permohonan.

"Ini mengambil kira keperluan modal permulaan yang tinggi bagi memulakan projek pertanian dengan penggunaan teknologi moden dan aplikasi Internet of Things (IOT)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Agro-YES di Wisma Tani, Putrajaya.

Menurutnya, MAFI telah memperuntukkan RM21 juta bagi pembiayaan Agro-YES ini. Semua Agropreneur Muda yang telah

menjalankan projek pertanian dan beroperasi lebih 12 bulan layak untuk memohon untuk mendapatkan pembiayaan sehingga RM500,000.00 bagi setiap permohonan melalui Agrobank dengan kadar faedah yang sangat minimum iaitu sebanyak 2% setahun.

Agro-YES merupakan antara inisiatif MAFI menerusi Agrobank untuk menarik lebih ramai golongan muda yang berusia 18 sehingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

Beliau berkata menyedari tentang pentingnya sektor pertanian dan industri makanan terutamanya ketika negara dan dunia dilanda COVID-19, produk Agro-YES ini membuka peluang untuk membantu meningkatkan pendapatan usahawan muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi hasil pertanian.

"Produk Pembiayaan Agro-YES direka khas bagi membantu usahawan muda dalam membangunkan pertanian sedia ada mereka ke tahap yang lebih kompetitif seiring dengan teknologi internet kebendaan (IOT).

"Proses birokrasi dikurangkan dalam rantaian permohonan dan tempoh masa pemprosesan dikurangkan daripada dua bulan kepada 14 hari sahaja," katanya.

Kementerian percaya produk Agro-YES ini mampu membantu untuk memodenkan sektor pertanian dan agromakanan negara dari sudut teknologi dan automasi serta pertanian pintar yang secara tidak langsung melahirkan golongan agropreneur muda yang berjaya.

Agro-YES adalah produk yang dijenamakan semula dari Pembiayaan Khas Agropreneur Muda. Pada tahun 2020, seramai 1,159 orang telah mendapat bantuan geran dan pembiayaan di bawah Agropreneur Muda berjumlah RM23 juta berbanding 764 orang pada tahun 2019 berjumlah RM13.7 juta.

Peningkatan peserta itu selepas YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada Jun tahun lepas mengumumkan permohonan Geran Agropreneur Muda dibuka sepanjang tahun dan tidak lagi tertakluk kepada tempoh masa tertentu seperti sebelum ini yang dibuka hanya pada Januari, Mei dan September sahaja.

Sementara itu, Pengerusi Agrobank YBhg Datuk Mustapha Buang berkata usaha Agrobank dalam menggerakkan dan memajukan sektor pertanian negara sentiasa menjadi keutamaan Agrobank.

Katanya dalam memakmurkan sektor pertanian di Malaysia, pelbagai usaha telah dijalankan Agrobank bagi merealisasikan hasrat tersebut. Menerusi pelancaran produk ini, Agrobank berharap pembiayaan ini akan dapat membantu golongan muda menceburi perniagaan berasaskan agro dan sekaligus menjana pendapatan yang progresif, berdaya saing dan inovatif.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Agro-YES, sila layari laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	THE BORNEO POST	ONLINE	

Durian farmers get praise, help from state government



Dr Abdul Rahman (second left in front row) gives the thumbs up to the success and tenacity of farmers Mohamad (left) and Jamani (fourth left), joined by Rosey (centre), Ugak (right), Ripin (centre in background) and others at the durian orchard in Kampung Padang in Kelulut.

MIRI: Two farmers here have quietly proven that Musang King and five other varieties of durian grow well in Bekenu despite lacking knowledge and experience compared to their counterparts in Peninsular Malaysia.

In recognition of their resourcefulness and tenacity, the state government is providing them with farm input, infrastructure improvement and supporting services while Miri-based Sofield Agrobio Resources has donated its bio-fertiliser to them.

Assistant Minister of Agriculture, Native Land and Regional Development Datuk Dr Abdul Rahman Ismail said this during his visit to the adjoining durian orchards of Mohamad Momen,

60, and Jamani Jamiran, 65, at Kampung Padang in Kelulut, Bekenu yesterday, covering an area of over 12 acres.

"The Ministry of Agriculture, Native Land and Regional Development through the Agriculture Department will be supporting them with farm inputs of RM20,000 each, improvement of access road and supporting services, and we look forward to the first fruits from these farms," he said.

Without seeking any assistance from the government, the two farmers slogged quietly at their orchards for about five years and now have about 500 durian trees, including the much-sought after Musang King and Black Thorn species, which are about to bear their first fruits.

Though they initially suffered losses due to low survival rate of Musang King and Black Thorn seedlings they plodded on and eventually were able to gradually expand the size of their orchards.

Dr Abdul Rahman is optimistic that the orchards will be producing the much sought-after durian fruits this year with proper management.

Accompanying him during the visit were Lambir assemblyman Ripin Lamat and Assistant Minister of Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development Datuk Rosey Yunus, who is Bekenu assemblywoman.

Dr Abdul Rahman immediately approved their request for water pumps and improvement of water retention ponds and improvement of their farm access road by the Agriculture Department.

Mohamad and Jamani thanked the assistant minister for the farm input assistance.

Sofield Agrobio Resources is owned and managed by Ugak Sanggau, who holds a Masters degree in Plantation Management.

Field results have shown that microbes-based bio-fertiliser is able to increase yields of durian, pepper, rubber, oil palm and other crops, besides being cost-effective for small-time farmers.

Dr Abdul Rahman and Ugak later handed over the donation of bio-fertilisers to Mohamad and Jamani, and community leaders in Bekenu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	NST	ONLINE	

Lobster farming to uplift B40 family's economic status in Sabah



Lobster farming will become a source of income for B40 families at Kampung Bantayan in Tamparuli here. - STR/ RECQUEAL RAIMI.

Minister in the Prime Minister's department (Special Tasks) Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof (third from left) visiting the lobster farm at Kampung Bantayan in Tamparuli. - STR/ RECQUEAL RAIMI.

TUARAN: Lobster farming will become a source of income for B40 families at Kampung Bantayan in Tamparuli here.

Minister in the Prime Minister's department (Special Tasks) Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof said the freshwater farming of the crustacean using aquaponic systems was one of the high potential sectors that have been identified to uplift the B40 community.

He said the move would open another avenue to earn income for rural folks.

"The government wants more B40 entrepreneurs to benefit through various aid provided under the relevant agencies to enable them to have a secure source of income.

Women leaders can uplift nation

Deepavali lights beckon to Johor B40 families, thanks to Samaritans

SEAC to complement Sabah's drive towards economic recovery

Sabah can be a vibrant economic powerhouse, says Jeffrey Kitingan

"This programme would contribute towards improving the rural economy while providing employment opportunities," he said.

Redzuan told this to reporters after visiting the freshwater lobster breeding project site here on Monday.

The project under the Bumiputera Agenda Steering Unit (Teraju) is being implemented in collaboration with Sabah Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) under the 11th Malaysia Plan's Entrepreneur Development Fund.

A total of RM47.5 million funding was allocated for the project in Sabah from 2015 to 2020.

"Besides that, there were 10,377 people who have participated in the project. For 2021 alone, a total of RM7.5 million has been approved for development in the state," he added.

The lobster farming project, which uses Green Aquaponics Perennial System, is being carried out at six locations; Kampung Duvanson in Putatan, Kampung Muhibbah in Petagas, Kampung Ratau in Menggatal, Kampung Sabandar in Tuaran, Kampung Ratau in Menggatal and Kampung Bantayan in Tamparuli.

Meanwhile, a resident of Kampung Bantayan, Jessela Joseph, 34, said she was among the five participants who underwent a training course to breed freshwater lobster.

"As a housewife in the B40 group, this career allows me to earn a source of income because it is easy to breed these lobsters in rural areas."

Cendawan kukur jadi tanaman komersial

PONTIAN – Cendawan kukur yang biasanya menjadi pilihan ramai untuk dijadikan bahan masakan yang tumbuh pada batang pokok getah mati kini dijadikan sebagai tanaman komersial.

Pengusaha Cendawan Saifulam Agro Farm, Noor Saiful Amri Suloh berkata, pihaknya menukar tanaman tersebut secara komersial dengan menanamnya secara bongkah seperti tanaman tiram kelabu.

Katanya, projek baharu di bawah Pontian Farmed Group (PFG) itu memulakan penanaman cendawan kukur dengan 300 bongkah pertama dan dijangka dapat dituai dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Elemen penting dalam penyediaan cendawan kukur adalah habuk kayu getah, dedak dan kapur pertanian selain benih cendawan kukur. Cenda-

wan ini akan ditanam sama ada kaedah gantung mahupun kaedah tanaman di atas lantai.

"Kami menjangkakan pengeluaran bagi peringkat pertama ini sebanyak 60 ke 80 kilogram dengan harga sekilo dipasarkan antara RM70 hingga RM80," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Seraya, Benut di sini baru-baru ini.

Tambah Noor Saiful, hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pihak Universiti Malaya sebelum ini mendapati cendawan kukur mempunyai khasiat nutrisi dan perubatan yang tinggi berbanding cendawan lain.

"Memandangkan sekarang sukar untuk mendapatkan cendawan kukur, projek ini mampu memberikan pilihan kepada pengguna yang mengemari tanaman ini seperti orang-orang tua dahulu," ujarnya.



NOR SAIFUL AMRI menunjukkan cendawan kukur yang diusahakan di bawah PFG di Kampung Parit Seraya, Benut, Pontian baru-baru ini.

NGO bantu Gerakan Pertanian al Falah

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

PASIR PUTEH: NGO Misi Kembara Dakwah (MKD) menyerahkan 200 anak pokok betik jenis Caricaceae kepada Pondok Hidayatul Sibyan Bukit Jawa dan Pondok Ihya Ulumiddin Kampung Berangan.

Pengerusi MKD Ustaz Mohd Khalid Mat Zari berkata, langkah itu bagi menggalakkan aktiviti pertanian untuk membantu warga pondok dan asnaf yang memerlukan.

Katanya program itu diadakan dengan kerjasama NGO Diplomatik Bebas sebagai usaha menyokong gerakan pertanian al Falah yang dilaksanakan kerajaan.

"Kita mengalu-alukan sumbangan orang ramai untuk disalurkan kepada warga pondok dalam bentuk anak pokok bagi memperkasakan sektor pertanian," katanya pada program penyerahan benih

di Pondok Hidayatul Sibyan di Bukit Jawa di sini baru-baru ini.

Program itu disempurnakan anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Tuan Mohd Saripudin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar berkata, institusi pondok turut dilibat dalam agenda memperkasakan sektor pertanian.

Katanya program itu mampu menjana pendapatan tambahan kepada pondok dan pusat tahfiz al-Quran selain memberi pendedahan serta teknik pertanian kepada pelajar.

"Gerakan Pertanian al Falah digerak kerajaan negeri di samping turut mengalu-alukan penglibatan pelbagai pihak.

"Saya harap usaha ini menjadi sumber kewangan kepada institusi pondok dan pusat tahfiz," katanya.



Ustaz Tuan Saripuddin Tuan Ismail menyampaikan bantuan mesin rumput kepada seorang petani.

Baik pulih sawah padi di Kuala Balah

JELI: Kerajaan negeri menyumbang sebanyak RM30,000 bagi membantu 30 petani untuk membaik pulih tanaman padi di Kampung Lubok Bongor, Kuala Balah.

Anggota Exco kerajaan negeri Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail berkata, sumbangan berkenaan sebagai sokongan kepada petani bagi meningkatkan sumber makanan bagi keperluan rakyat.

Katanya, makanan yang

dimakan rakyat adalah hasil usaha penat lelah petani.

"Ibadah pun tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa ada makanan. Kerana inilah bertani sebagai satu ibadah," katanya pada program tersebut baru-baru ini.

Hadir sama pada program berkenaan Adun Kuala Balah Dato' Ab Aziz Derashid, Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Mohd Hanifa Awang Su dan wakil PAS Kuala Balah Abdul Rahim Muhammad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	9

Jamin harga barang keperluan tak naik

Hulu Terengganu: Kerajaan memberi jaminan harga barang keperluan harian akan dipantau secara berterusan supaya tidak melambung tinggi pada Ramadan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sudah bermesyuarat dengan pihak berkaitan bagi memastikan harga barangan keperluan tidak naik, selain penawaran barangan adalah mencukupi.

“Seperti isu minyak masak bersubsidi yang dihadkan pembelian tidak melebihi tiga (bungkusan) plastik sekarang, kami (KPDNHEP) mengesahkan mengenainya.

“Kami memang meminta pasar raya dan pembekal

supaya mengehendkan jualan minyak masak kepada pengguna.

“Arahan itu dikeluarkan supaya penawaran minyak masak bersubsidi mencukupi di pasaran kerana permintaan agak tinggi sejak harga minyak sawit meningkat,” katanya selepas menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 di Dewan Besar Majlis Daerah Hulu Terengganu di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain pula, Rosol berkata, lambakan telur ayam sejak isu pencemaran *Salmonella Enteritidis* (SE) menjadikan harga telur ayam turun berbanding sebelum ini.

“Ia bagus kerana isu lambakan telur ayam secara tidak langsung menstabilkan harga telur di pasaran sekarang,” katanya.

24/3/2021

HARAKAH

UTARA

H18

'Harumaneh' buah yang manja

Oleh NOOR-SARA MASHTOH

KANGAR: Harumanis merupakan sejenis kultivar mempelai yang ditanam di Indonesia serta Malaysia dan amat sinonim dengan Perlis.

ia lebih dikenali sebagai 'Harumaneh' di kalangan masyarakat negeri itu kerana ia mengeluarkan aroma yang harum dan rasanya yang manis.

Isunya yang lebat kelumangan serta rasanya yang enak dimakan bersama pulut sebagai salah satu sejian tradisi di negeri itu dan juga enak dimakan begitu sahaja alai pun diproses dalam bentuk jus serta jen.

Bagi seorang pengusaha Harumanis, Muhammad Mustaqim Abdulah, 37, mewarisi Perusahaan Abdullah Setelwarga (PAS) telah mengusahakan ladang itu sejak 1987 lagi.

Beliau mewarisi perusahaan ladang ayahnya, Abdullah Lebai Isa pada ketika itu antara yang terawal melibatkan diri dalam perniagaan penjualan buah berkenaan.

"Pada ketika itu, orang ramai masih belum mengetahui buah Harumanis. Pihak Jabatan Pertanianlah yang banyak membantu pekebun bagi menguruskan ladang dengan memberi tunjuk ajar bagaimana untuk membiak pulih ladang Harumanis.

"Harga pasaran buah Harumanis ketika itu bermula dengan



Mustaqim menunjukkan kotak bungkusannya Harumanis.

hanya RM4.00 sekilo dan dituntut pasaran hingga ke luar negeri kerana masih ramai yang belum kenal akan buah ini.

"Sekarang langarnya meningkat sehingga RM50 hingga RM60 sekilo," ujarnya dalam temubual bersama Harakah baru ini.

Menurutnya Harumanis belum popular ketika era 90-an kerana masih ramai lagi yang belum mengenali kesedapan buah ini, sehingga sekarang ramai anak cucu boleh merasai hasil puaunya.

"Harumaneh' buah yang manja

Penjagaan sepanjang tabun menyebabkan buah ini disifatkan buah yang manja dan secukupnya.



Ladang Harumanis yang subur di Perlis

dasarnya hanya sesuai ditanam di Perlis sahaja kerana tanaman ini sesuai dengan iklim sub tropika sekaligus dikenali sebagai Perlis Signature Fruits.

Kata Mustaqim, pengusaha Harumanis perlu mempunyai sifat istiqamah kerana proses penjagaan tanaman ini yang memerlukan penajagaan rapi.

"Pengusaha-pengusaha Harumanis ni adalah orang yang istiqamah, kalau buat separuh jalan menang tidak akan menjadi.

dibuat agar tidak terkena serangan serangga perosak.

Harumanis akan mengambil masa 90 hari untuk matang dan boleh dinikmati apabila mencapai gred kenansan yang tinggi.

"Buah yang matang akan mengeluarkan aroma yang wangi dan sangat sesuai dimakan bersama pulut," tambah Mustaqim lagi.

Pemasaran ketika Pandemi Covid-19

Permintaan terhadap Harumanis tetap tinggi, walaupun negara sedang dilanda pandemik Covid-19.

Menurut Mustaqim, kemudahan teknologi perlu dimanfaatkan sebagai mungkin untuk meluaskan lagi pemasaran Harumanis.

"Teknologi media sosial menjadi jalan keluar untuk memudahkan urusan pemasaran, contohnya melalui Aplikasi Agro Bazar, Shopee, Lazada dan sebagainya.

"Yang penting bagi saya, perlu jujur. Contohnya apabila kita pos buah harum manis, akan berlaku sedikit kerosakan pada buah jadi perlu memaklumkan kepada pembeli," katanya.

Justeru itu perlu ada kerjasama antara pengusaha ladang dan syarikat penghantaran supaya tidak menjadi lambakan seperti tahun lepas sehingga menyebabkan buah menjadi rosak dan peladang mengalami kerugian.

"Jika tahun lepas lambakan buah telah berlaku di tempat pengeposan, jadi pada tahun ini kita perlu mengambil pengajaran agar perkara tersebut tidak berlakulagi.

"Insya-Allah pada tahun ini, syarikat penghantaran sudah



Musien tuaian Harumanis.

mengetahui kaedah untuk penghantaran buah dan mereka akan sediakan perkhidmatan khas bagi memasarkan buah ini," jelas anak muda itu lagi.

Keistimewaan Harumanis

Harumanis juga mendapat tempat di pasaran antarabangsa kerana isunya kaya dengan vitamin A yang baik untuk kesihatan mata, tubuh badan serta antipenuaan.

Selain itu, ia juga kaya dengan vitamin B yang diperlukan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan serta mineral seperti magnesium (membantu sistem pencernaan dan katikan stamina dan tenaga) dan kromium (pertumbuhan tulang, fungsi saraf dan perkembangan otak).

Berikutan dengan khasiat yang dimilikinya, tidak hairanlah mangga tempatan ini mendapat permintaan yang amat tinggi saban tahun apabila tiba musimnya yang bakal bermula pada April sehingga Jun ini.

24/3/2021

THE SUN

SPEAK UP

9

Agrotourism the way to protect livelihoods

ALTHOUGH travel for tourism is allowed under the targeted bubble travel between states under the recovery movement control order (RMCO) effective from March 10, the continuous closure of international borders eventually leads to the tourism industry taking time to recover from the health crisis.

In an effort to bridge the urban-rural divide in the country, agrotourism would be the way forward for tourism industry players to protect their economic livelihoods as well as rural dwellers.

According to the World Tourism Organisation, agrotourism "involves accommodation being offered in the farmhouse or a separate guesthouse, providing meals and organising guests' activities in the observation and participation in the farming operations".

A rich cultural heritage in Malaysia implies that the tourism sector still could restructure their existing approaches, attracting visitors to explore the unleashing potential of rural areas.

The National Tourism Policy 2020-2030 states that agrotourism is one of the sustainable forms of tourism.

Not only would it add value to agriculture as a rural economic sector through tourism, but would also boost the creation of rural entrepreneurs and foster the consolidation of vibrant rural tourism corridors.

Through agrotourism, visitors would have greater cultural awareness with agricultural areas, agricultural occupations, local products, traditional food and the daily life of the rural dwellers, as well as the cultural elements and traditions of the local communities.

The Covid-19 pandemic might have substantially restricted people's movement to travel across borders freely. Nevertheless, it has given Malaysia a chance to reduce socioeconomic disparities among Malaysian

states through digital technologies and applications.

Following the implementation of the movement control order (MCO) nationwide since March 18 last year, social media channels have become the advertising medium for rural traders and farmers to look for buyers.

This can be seen when Lazada assisted farmers based in Cameron Highlands in selling perishable items such as fruits and vegetables via its e-commerce platform.

Lazada's effort is laudable as it helps to reduce unnecessary food wastage besides avoiding disruption in the agricultural production and food processing chain.

The recent re-introduction of inter-district travel in most Malaysian states provides a chance for the government to strengthen rural areas promotion and management.

In turn, it would generate a source of income for small agricultural households based in rural areas while still stressing the importance of all Malaysians in observing the SOP.

Up to date, for states that fall under conditional MCO, tourism activities are limited to 50% of the capacity of the premises.

On the other hand, states that fall under recovery MCO can operate at full capacity by ensuring physical distancing and temperature checks of visitors are adhered to at all times.

Therefore, the targeted approach from the government in combating the pandemic not only provides the chance for local tourists to engage with the rural lifestyle and farming experience during the new normal, but it would also assist tourism industry players in weathering the storm.

On March 17, the government announced a one-off cash assistance of RM600 for 4,000 homestay operators registered with the Ministry of Tourism, Arts and Culture (Motac) through the RM20 billion Strategic Programme to Empower the People and Economy

(Pemeriksaan) stimulus package.

Furthermore, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's idea in developing a one-stop agrotourism centre at Senggang Batu 18 near Bukit Gambir, Johor would provide visitors with the experience to get dirt between their toes and understand the challenges as a farmer.

Visitors also can harvest the vegetables and fruits, and cook them besides having the breathing space to meditate, get in touch with nature and relieve stress.

The Kilan Agriculture Park in Labuan also can be explored by Malaysian citizens.

It is a place that provides accommodation and leisure facilities for tourists, a camping site and recreational activities for schools, and a training centre for farmers and agro-based industry entrepreneurs.

During the visit, visitors can obtain agricultural technology information and "agri education," attend courses, trainings or seminars, or have recreation and leisure and community activities.

In addition, agrotourism also enables hotels and restaurants to connect with local farmers, providing guests with fresh and locally produced ingredients while supporting neighbouring agricultural communities.

During the food preparation process, hotel and restaurant guests can accompany on-site naturalists and chefs, sourcing the rainforest for fresh ingredients and cooking afterwards.

For tourists to feel the joy from agrotourism, the government has to develop a network of tourism corridors (i.e., major overland roads, waterways, sea or air routes) that traverse the urban and rural areas of Malaysia.

Improving travel accessibility would provide convenience for travellers to visit all agrotourism sites, and to experience the essence of Malaysia's agrotourism products and services.

It is also crucial for the government to work

with the private sector in rural areas.

Private sector participation would attract higher value investment, promote agrotourism related activities as well as enhance employability through knowledge enhancement and skills training.

Hence, for Malaysia to recover its tourism sector from the fallout brought about by the pandemic, EMIR Research has some policy recommendations for Motac and Ministry of Agriculture and Food Industries to consider:

➤ Attracting agrotourism investors by promoting and emphasising the uniqueness, strengths and development opportunities of Malaysia's agrotourism sites;

➤ Consolidating research through the re-establishment of educational research centres in selected agrotourism sites through partnerships with local universities and NGOs;

➤ Encouraging variants of the homestay concept by guiding providers to offer a mix of "live in" homestays, annex type homestay, kampungstay, farmstay etc. according to the needs of specific market segments;

➤ Marketing and promoting agricultural activities to the gen Y, youth associations, school and university groups and rural families; and

➤ Developing a comprehensive insight on Malaysia agrotourism under the existing Malaysia Tourism website.

By cultivating the cultural heritage through agrotourism, Malaysia would be able to revive the rural tradition besides providing a stable revenue stream among the rural dwellers.

Amanda Yeo is research analyst at EMIR Research, an independent think tank focused on strategic policy recommendations based on rigorous research. Comments: letters@thesundaily.com

We deserve safe eggs, too

POULTRY is an important source of meat proteins for Malaysians. Locally, the total sales value for chicken eggs and meat ex-farm is believed to be more than RM10bil annually.

On average, the annual per capita (person) consumption is 45kg of chicken meat and 370 eggs. This translates to a daily demand of about 30 million eggs a day.

The poultry industry is the most successful Malaysian livestock segment and has the highest output value with daily production averaging around two million birds (*Asian Poultry Magazine*, 2020).

The Malaysian production of 840 million chickens and 10 billion eggs per year is an industrial process that is highly automated. This means that the process is vulnerable to breakdowns that could affect the safety of the produce.

A broiler farm for chicken meat usually consists of broiler sheds, each accommodating up to 25,000 birds. It uses automated equipment for feeding and drinking lines, ventilation, temperature control, feed storage and distribution and lights and control systems.

Laying hens are usually raised in cages. Each farm consists of multiple sheds, and each shed usually accommodates between 20,000 and 60,000 birds. The automated equip-



ment are cages, feeding and drinking lines, egg collection, lights, manure transport, feed storage and distribution, and ventilation and temperature control systems.

The industrial production of chickens is considered inhumane as the birds are generally reared in unnatural conditions.

Given this scenario, we can imagine the problems caused to the production process when disruptions either to the equipment or electricity supply occur.

In light of the second recall of eggs by the Singapore Food Agency (reported on March 19), which said it had detected the presence of *Salmonella enteritidis* (SE) in eggs imported from Malaysia, this time from a farm in Perak, the Consumers Association of Penang

(CAP) calls upon the authorities to conduct thorough investigations on all chicken farms in the country for salmonella contamination.

In a statement on March 14 after the first recall was announced for eggs from a farm in Jeram, Selangor, our Department of Veterinary Services (DVS) said it was looking into egg production processes, vaccination records and the farm's disease surveillance programme to try and trace the source of the contamination.

To date, however, we have not heard of eggs in the Malaysian market being tested for SE or recalled due to the contamination.

The farms that produced the recalled eggs are giant players which cater for the export market. But how about the numerous

other farms that cater for the local market?

Our authorities are saying that SE can be destroyed by heat, thus the eggs would be safe for consumption if they are cooked thoroughly. If this is so, why are the eggs from the affected farms in Malaysia being rejected by the Singaporean authorities?

CAP hereby urges the authorities to:

- > Investigate all poultry farms in the country to ensure that they comply with our food safety regulations,

- > Look into the rearing methods, which could have contributed to the salmonella contamination; and

- > Set up a committee to investigate any weaknesses in our monitoring system pertaining to food safety.

Recurring reports on unsafe Malaysian food products by overseas authorities clearly show that there are flaws in our food safety monitoring systems.

Malaysian consumers also deserve eggs that are free from contamination with pathogenic bacteria such as SE.

MOHIDEEN ABDUL KADER
President
Consumers Association of
Penang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	HARIAN METRO	KUBELA	31

AMIRUDDIN bersama seekor daripada kucingnya.



KUBELA

FOKUS

Diah Muhammad Razis Ismail
Fotografi dan seni

Sebaik melangkah masuk ke sebuah kediaman di Bandar Putra Permai, Seremban, Selangor, penulis disambut dua kucing yang agak unik bentuk fizikalnya.

Telinga yang agak besar, buli beratah pendek, muka bulat dan rangka badan yang sedikit melengkung membolehkan penulis bertanya-tanya jenis kucing ini.

Biaran baharu pertama kali berjumpa, kucing jenis Cornish Rex ini tidak menunjukkan rasa takut dan anak apabila mendekati sesiapa sahaja yang berada di kediaman itu.

Jerugambar, Hafid Anwar Ibrahim terpaksa bermandi peluh apabila perlu menggar kucing yang aktif ini untuk mendapat gambar terbaik.

Salah seorang pemiliknya, Amiruddin Am Sariff, 34, berkata, sebanyak 15 ekor kucing dipelihara di kediaman ini yang dinamakan sebagai

Kalapsia Fantasy.

"Saya bersama rakan kongsi, Mohd Rashid Mohd Hussin, 42, mula memelihara kucing jenis ini sejak 2003 selepas membelinya dari Rusia.

"Alhamdulillah, selepas 18 tahun, kami antara pembak Cornish Rex yang cukup dikenali di negara ini selepas memenangi banyak pertandingan di dalam dan luar negara," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Memorinya, dia sangat tertarik dengan Cornish Rex kerana bentuk fizikalnya yang unik dan elegan berbanding kucing lain.

"Kucing ini memiliki rubuh yang langsing, berotot, kerangka badan melengkung, berbulu beratah, muka seperti buntut rebar dan memiliki telinga besar.

"Persoalannya juga unik kerana ia sangat aktif, anak peramah dan sangat suka perhatian," katanya.

> 32

CORNISH REX SI MANJAKU

Si bulus dari Rusia aktif namun peramah selain sering mahukan perhatian

DARI MUKA 31

Biarpun berasal dari luar negara, penjagaan kucing jenis ini agak mudah namun bukan bermaksud boleh diambil ringan.

"Oleh itu, setiap bulan saya peruntukkan RM1,500 untuk makanan dan penjagaan kucing ini."

"Untuk memastikan kulit dan bentuk badan menarik, saya berikan makanan berkualiti yang mempunyai kandungan protein tinggi dan daging mentah. Kebersihannya juga perlu sentiasa dijaga untuk elakkan penyakit," katanya.

Dia mengakui, di negara ini populariti Cornish Rex tidak terkenal berbanding kucing lain berkulit kurang pendedahan berkenaan kucing jenis ini.

"Kucing ini tidak ramai peminat kerana kebanyakannya daripada kita lebih terdedah dengan kucing yang gebu dan memiliki bulu yang panjang serta tebal."

"Kadangkala ketika menyertai pameran kucing hanya saya seorang sahaja yang bawa Cornish Rex, namun ia secara tidak langsung berjaya menarik perhatian pengunjung kerana ia lain daripada yang lain," katanya.

Dia juga aktif menyertai pameran dan pertandingan kucing di dalam dan luar negara dan antara pencapaian terbaik yang diperoleh termasuk mendapat tempat ketiga dalam pertandingan kucing antarabangsa baru-baru ini.

"Antara tujuan utama sertai pameran dan

BERI AURA KETENANGAN

Dalam keadaan stres, bermain dengan kucing secara tidak langsung dapat menyalurkan tenaga positif



CORNISH Rex kucing yang aktif, manja dan sukakan perhatian.

FOTO HARIRUL ANJAR RAHMAT & HESAN AMIRUDDIN AMIR SHAFFI



AMIRUDDIN (kiri) bersama rakan kongsi.



RUANG untuk keselesaan kucingnya.



KUCING sangat manja diogot.

pertandingan ini supaya saya dapat ketahui kucing yang dibelak ini berjaya memenuhi standard yang ditetapkan.

"Ia secara tidak langsung membuktikan pembelakan kucing ini memenuhi kualiti untuk pertandingan," katanya. Jelasnya, kelebihan memelihara kucing, ia mampu memberlauri positif yang dapat memberi ketenangan kepada pemiliknya.

"Percaya atau tidak, dalam keadaan stres, apabila kita luangkan sedikit masa bermain dengan kucing, ia secara tidak langsung dapat menyalurkan tenaga positif yang menenangkan."

"Pada masa sama, haiwan ini sudah menjadi sebahagian daripada keluarga dan mengajar kita untuk memberi komitmen memeliharanya sebaik

mungkin," katanya.

Ditanya perancangan masa hadapan, dia dan rakan kongsi berhasrat untuk menambah jumlah kucing sedia ada.

"Pada masa sama, kami mahu lebih ke depan untuk memberi pendedahan kelebihan kucing jenis ini untuk pengetahuan umum," katanya.

Dia turut menasihatkan sesiapa sahaja yang ingin memelihara kucing jangan terburu-buru dan mengikut trend.

"Buat persediaan kepada diri sendiri dengan ilmu asas mengenai penjagaan haiwan peliharaan termasuk dari segi kewangan, mental dan ruang."

"Ini penting supaya kita tidak tertekan kerana penjagaan kucing memerlukan komitmen yang tinggi daripada segala segi," katanya.

IKAN LAGA MAKIN POPULAR

Tidak lagi menjadi mainan kanak-kanak,
buka pintu rezeki kepada penternak

AKUA

Oleh Mohamad Razie Ismail
razie@hmetro.com.my

Dahulu, ikan laga hanya boleh ditemui di kawasan parit terbiar atau bendang dan menjadi mainan kanak-kanak di sekitar kampung.

Kini keadaan sudah jauh berubah, apabila ia mula mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat termasuk di bandar.

Apa tidaknya, pertandingan ikan laga kini tumbuh bagi cendawan di seluruh negara dengan

menawarkan hadiah cukup lumayan.

Jadi tidak hairanlah, apabila satu-satu pertandingan mendapat sambutan luar biasa sehingga 3,000 penyertaan.

Jumlah itu meningkat berkali ganda ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada Mac tahun lalu.

Perkara itu diakui penganjur Shah Alam PKP Betta Battle, Mohd Azizie Othman yang mengakui terkejut apabila

SAMBUTAN
menggatalikan.



ANTARA ikan laga yang dipertandingkan

Uniknya ikan ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, dewasa dan warga emas selain ini satu perkembangan yang baik

MOHD AZIZIE

memperoleh penyertaan luar biasa di seluruh Malaysia dan Singapura.

Katanya, blarpun pada ketika itu terdapat empat lagi pertandingan sama yang dijalankan serentak, mereka masih mampu menerima lebih 3,000 penyertaan.

"Pada mulanya saya sangkakan penyertaan tidak banyak, kerana terdapat juga empat pertandingan ikan laga di rempat lain, namun sebaliknya berlaku apabila kita menerima penyertaan luar biasa.

"Kita sasarkan 2,500 penyertaan tapi kita dapat lebih 3,000 penyertaan membabitkan 114 kategori termasuk 'half moon', 'double tale' dan 'crown tale' yang kita boleh anggap sebagai luar biasa," katanya ketika ditemui di Space U8, Shah Alam, baru-baru ini.

Menurutnya, jumlah peminat ikan laga meningkat mendadak sejak PKP dilaksanakan pada tahun lalu antara faktor peningkatan luar biasa.

"Pada ketika itu, ramai pengusaha ikan laga mengambil kesempatan berniaga secara dalam talian dan mendapat sambutan menggalakkan.

"Uniknya ikan ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, dewasa dan warga emas selain ini satu perkembangan yang baik," katanya.

Beliau berharap perkembangan positif ini diteruskan untuk merancakkan industri ikan laga di negara ini.

"Saya berharap lebih ramai tampil ke hadapan menganjurkan lebih banyak pertandingan seperti ini supaya trend sebegini terus kekal.

"Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan permintaan terhadap ikan laga dan peminatnya terus bersemangat menyertai pertandingan," katanya.

Sementara itu salah seorang pemenang kategori Junior Half Moon Butterfly, Syamsul Nizar Jamaluddin, 32, teruja apabila berjaya membawa pulang piala dan wang tunai RM885.

"Sudah pasti saya gembira kerana ini adalah kemenangan terbesar sejak menyertai puluhan pertandingan ikan laga sejak tahun lalu.

"Ia sekali gus menyuntik semangat untuk buat yang terbaik untuk pertandingan ikan laga di masa hadapan," katanya.



IKAN laga yang membawa kemenangan kepada Syamsul



SYAMSUL Nizar (tiga dari kiri) teruja memenangi salah satu kategori



HADIAH yang dimenangi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2021	HARIAN METRO	KUBELA	34

PEKA PEMAKANAN HAIWAN

Ambil tahu keperluan nutrisi ternakan kesayangan untuk pastikan ia sentiasa sihat

Oleh Muhammad Razis Ismail
razis@metro.com.my

Seperti manusia, haiwan peliharaan juga memerlukan makanan seimbang dan bernutrisi untuk kesihatan dan tumbesaran.

Bagaimanapun perlu diingat bahawa nutrisi manusia dan haiwan adalah berbeza.

Kesilapan memberi makanan yang sesuai kepada haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing boleh memberi kesan kepada kesihatan untuk jangka masa panjang.

Haiwan peliharaan seperti kucing perlu diberi makanan yang berkhasiat untuk aktif, mempunyai mata yang bersinar dan bulu yang berkilat.

Pengarah Negara Mars Pet Nutrition Indonesia, Dr Susan Wan berkata, piramid makanan haiwan



Sebagai contoh, kucing memerlukan empat kali lebih protein berbanding manusia untuk tumbesaran dapat membantu membaiki tisu-tisu dalam tubuh badannya

DR SUSAN



MAKANAN bernutrisi sangat penting untuk haiwan peliharaan.

berbeza dengan manusia.

"Biarpun haiwan peliharaan seperti kucing memerlukan karbohidrat, protein, mineral seperti manusia namun keperluannya adalah berbeza.

"Sebagai contoh, kucing memerlukan empat kali

lebih protein berbanding manusia untuk tumbesaran dapat membantu membaiki tisu-tisu dalam tubuh badannya.

"Diet seimbang sangat penting untuk haiwan peliharaan bukan sahaja untuk kekal sihat dan aktif malah membantu kepada

tumbesaran mengikut peringkat usianya," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurutnya, kekurangan nutrisi terhadap haiwan peliharaan boleh mengakibatkan pelbagai masalah kesihatan antaranya masalah mata, jantung dan sebagainya.

Oleh itu, beliau menyarankan pemilik haiwan peliharaan sentiasa peka terhadap keperluan nutrisi makanan.

"Sebagai contoh, perlu diingat bahawa nutrisi untuk haiwan berbeza mengikut peringkat usianya.

"Selain itu pemilik haiwan, mereka perlu ketahui fungsi nutrisi tertentu di dalam makanan haiwan yang dibeli termasuk untuk kulit atau bulu cantik dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, masih terdapat segelintir daripada masyarakat yang tidak sedar memberi makanan secara berlebihan kepada haiwan boleh beri kesan kepada kesihatannya.

"Kadangkala terdapat juga yang memberi makanan yang salah termasuk baki makanan tidak habis kerana belum tentu ia mempunyai kandungan nutrisi yang diperlukan.

"Ada juga yang memberi makanan ringan mengandungi bahan yang tidak sepatutnya boleh membahayakan kesihatan haiwan terbahagi," katanya.

Beliau berkata, kesedaran terhadap makanan seimbang untuk haiwan peliharaan masih boleh dipertingkatkan.

"Saya lihat ramai yang sudah mempunyai kesedaran mengenai kepentingan makanan bernutrisi untuk haiwan peliharaan dan berusaha mendapatkan maklumat tambahan.

"Di Mars, kita bukan sahaja mementingkan produk berkualiti malah membantu mendidik masyarakat melalui pelbagai program termasuk Program Pemilikan Haiwan Peliharaan Bertanggungjawab di sekolah dan di platform media sosial," katanya.

Justeru itu, beliau menasihatkan supaya orang ramai sentiasa memahami keperluan haiwan peliharaan.

"Sebelum membeli haiwan, langkapkan diri dengan ilmu untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab," katanya.

FOTO: SUMBER GOOGLE

Cendawan kukur hasil pulangan lumayan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
 utusannews@mediamulla.com.my

PONTIAN: Cendawan kukur yang biasanya tumbuh pada pokok-pokok getah reput dan mati selalunya dipetik orang ramai untuk dijadikan bahan dalam masakan berasaskan lemak cili padi dan beberapa menu lain.

Namun, pengusaha Cendawan Saifulam Agro Farm, Noor Saiful Amri Suloh menunjukkan tanaman tersebut secara komersial dengan menanamnya secara bongkah seperti mana tanaman tiram kelabu.

Katanya, projek yang baru dimulakan di bawah Pontian Farmer Group (PFG) memulakan penanaman cendawan kukur dengan 300 bongkah pertama yang dijangka dapat dituai dalam tempoh tiga minggu lagi.

Menurut Noor Saiful, elemen penting dalam penyediaan cendawan kukur adalah seperti habuk kayu getah, dedak dan kapur pertanian selain benih cendawan itu yang kemudiannya ditanam sama ada dengan kaedah mengantung, mahupun hanya diletakkan di atas lantai.

"Kami menjangkakan pengeluaran bagi peringkat pertama



NOOR Saiful Amri Suloh (tiga dari kanan) bersama-sama ahli Pontian Farmer Group menunjukkan cendawan kukur yang ditanam mereka di Kampung Parit Seraya, Benut di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

sebanyak 60 hingga 80 kilogram dengan harga sekilogram dipasarkan antara RM70 ke RM80," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tambah Noor Saiful, hasil penelidikan yang dilakukan oleh

Universiti Malaya (UM) itu mendapati, cendawan kukur mempunyai khasiat nutrisi dan perubatan yang tinggi berbanding cendawan lain antaranya cendawan butang, enoki dan tiram.

- "Memandangkan sekarang

sukar untuk mendapatkan cendawan kukur, projek ini mampu memberikan pilihan kepada pengguna yang menggemari makanan ini sebagaimana orang tua dahulu," katanya.

Jelas beliau, sekiranya cen-

dawan kukur terbabit dikeringkan, harganya boleh melonjak kepada RM250 sekilogram yang secara tidak langsung boleh dijadikan sumber ekonomi baharu jika diusahakan secara komersial dan berskala besar.

Katanya, pada masa akan datang, PFG akan menambah jumlah bilangan bongkah kepada 3,000 unit bagi memenuhi permintaan pelanggan yang telah mengetahui khasiat memakan cendawan kukur berkenaan.

Selain projek cendawan kukur, pihaknya juga mengusahakan ternakan anab pedaging New Zealand White Hibrit dan ayam kampung baka Arab dengan permulaan masing-masing sebanyak 300 ekor dan 27 ekor.

Katanya, baka anab itu dibeli daripada Peladang Setiu Agro Resort dengan harga RM140 seekor dan boleh dijual setelah mencapai usia tiga bulan dengan pasaran daging sekilogram yang berharga RM35.

"Projek-projek di bawah PFG diharap dapat memberikan peluang mendapatkan baharu kepada anak-anak muda yang baru menamatkan pengajian untuk menceburi bidang pertanian termasuk ternakan ini," katanya.